

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDM) yang sedang melakukan operasi khas disangkakan penjenayah samun.

Itu yang berlaku apabila seorang lelaki membuat laporan polis selepas mendakwa cuba 'ditrompak' sekumpulan individu di Pokok Mangga di sini.

Malah, insiden itu turut tular di media sosial hingga mencetuskan salah faham dan kekusaran ramai.

Ketua Polis Daerah Me-

DIKEJAR TIGA LELAKI CUBA BUKA PINTU KERETA

DISANGKA SAMUN RUPANYA KASTAM!

laka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit

berkata, pihaknya mengesan video berdurasi satu minit 37 saat tular di Facebook yang dimuat naik pemilik akaun atas nama 'Tuan Pang' berkenaan satu kejadian cubaan samun.

Menurutnya, siasatan mendapati terdapat satu laporan polis dibuat oleh seorang peniaga berusia

28 tahun berhubung kejadian itu.

"Dalam laporannya, pengadu mengatakan dihampiri tiga lelaki tidak dikenali ketika dia memandu kereta Perodua Myvi menuju ke Taman Limbongan Permai melal

lui lorong Pokok Mangga 4 di sini pada jam 12.45 tengah malam, 19 September lalu. Kumpulan lelaki

itu didakwa mengelar kendaraannya sambil cuba membuka pintu.

"Terkejut dengan kejadian an itu pengadu terus memecut kereta sebelum membuat laporan pada hari sama," katanya, semalam.

Beliau berkata, siasatan lanjut mendapati pihak IKDM turut membuat laporan polis jam 3.29 pagi

hari, sama berkaitan operasi penguatkuasaan di sebuah premis di Lorong Pokok Mangga 4.

Katanya, dalam serbuan itu pihak IKDM menahan tiga warga asing yang tidak memiliki dokumen perjalanan sah dan kes disiasat mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670),

Seksyen 50 Akta Kastam 1967 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Saya sahkan tiada sebarang unsur jenayah cubaan samun berlaku dan tiga individu berpakaian hitam itu adalah anggota IKDM yang sedang menjalankan operasi.

"Pengadu secara kebetulan memasuki kawasan operasi menyebabkan dia dikejar pasukan operasi kerana disyaki terbabit dalam aktiviti berkaitan siasatan," katanya.

Menurut Christopher, kedua-dua pihak hadir ke Balai Polis Ayer Keroh dan bersetuju bahawa kejadian itu adalah satu salah faham dan kes dianggap selesai.